

03 JUN 1997

Everest-Saguhati

SEMUA PENDAKI NEGARA DAPAT SAGU HATI RM20,000 SEORANG

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Dua pendaki negara, M. Magendran dan N. Mohandas akan menerima sagu hati sebanyak RM50,000 seorang kerana kejayaan menakluki Gunung Everest, gunung tertinggi di dunia.

Daripada jumlah itu, RM30,000 adalah bonus sementara RM20,000 sebagai penyertaan mereka dalam pasukan seramai 23 orang itu.

Ini diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa meraikan pendaki-pendaki negara itu pada majlis jamuan tengah hari di sebuah hotel di sini hari ini. Yang turut hadir ialah Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri.

Muhyiddin juga mengumumkan setiap peserta ekspedisi akan menerima RM20,000 seorang. Pasukan itu terdiri daripada 10 pendaki dan selebihnya anggota sokongan.

Beliau juga berkata, ketua ekspedisi Nor Ramllee Sulaiman dan ketua pendaki Major Rizan Mat Hassan dan dua anggota pasukan Mohd Fauzan Hassan dan Gary Chong akan menerima bonus RM20,000 seorang. Ini bermakna keempat-empatnya akan menerima RM40,000 seorang.

Muhyiddin berkata sagu hati itu akan diberi secepat mungkin.

Terdahulu, Anwar ketika menerima kunjungan pasukan pendaki itu di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan mengenai pemberian sagu hati kerajaan di samping pengiktirafan lain seperti penganugerah bintang atau pingat oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda Sabtu ini.

Katanya, pemberian saguhati dan pengiktirafan itu dibincang dan dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet minggu lepas.

Beliau berkata pengiktirafan dalam bentuk penganugerahan bintang atau pingat akan diumumkan pada Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong atau sehari sebelum itu. Ini kerana kerajaan perlu mendapatkan perkenan Tuanku Ja'afar atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar juga menerima bendera Malaysia yang dipacak buat pertama kalinya di puncak gunung tertinggi di dunia itu oleh Nor Ramlle.

Bendera Malaysia itu dan beberapa ketulan batu yang diperolehi pendaki atas puncak Everest akan disimpan di Muzium Negara untuk tatapan ramai.

Anwar berkata kerajaan akan memastikan supaya semangat berpasukan rekreasi sukan mendaki menjadi program berterusan.

Katanya, yang hendak dijelaskan kerajaan ialah kekuatan fizikal, kecekalan serta disiplin dan kerjasama perlu ada sebagai satu pasukan bagi menjayakan program itu.

Beliau mengucapkan syabas dan berbangga atas kejayaan pasukan pendaki Malaysia itu sambil berkata kejayaan mereka memberi keyakinan terhadap slogan "Kita boleh, Malaysia boleh."

Beliau juga menyampaikan semangat dan perasaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang mengambil berat terhadap perkembangan pasukan pendaki.

"Dr Mahathir dan isteri amat prihatin terhadap keadaan pasukan pendaki malah walaupun berada di luar negara kerana bercuti, Dr Mahathir dan isteri selalu menelefon saya bertanyakan khabar mengenai perkembangan mereka (pendaki) serta sambutan dan pengiktirafan terhadap mereka (pendaki)," katanya.

Anwar berkata sikap Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menunjukkan ini bukan satu perkara ringan tetapi besar dan wajar bagi kerajaan beri pengiktirafan.

Ketika berucap pada majlis jamuan itu, Anwar berkata pasukan pendaki Gunung Everest akan diberi peluang menjelajah seluruh negara untuk memberi maklumat kepada masyarakat terutama generasi muda mengenai kegiatan itu.

"Saya sudahpun berbincang dengan Tan Sri Muhyiddin dan beberapa pendaki lain gunung mana di negara ini yang akan kami daki jangan memperkecilkan kebolehan kita," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan akan terus memberi sokongan kepada persatuan pendaki negara dalam kegiatannya bagi menyemarakkan kegiatan rekreasi sihat di negara ini.

Anwar juga mengucapkan terima kasih kepada pihak terbabit seperti Telekom Malaysia, RTM dan media massa kerana memberi publisiti meluas terhadap kegiatan itu.

Pada majlis itu juga, Pergerakan pemuda UMNO menyampaikan plak kepada setiap pendaki sebagai tanda penghargaan atas kejayaan itu.

Mengenai ekspedisi Malaysia-Everest pada masa akan datang, Muhyiddin berkata Kementerian mungkin mengadakan ekspedisi seperti itu tiga tahun sekali sebagai aktiviti berterusan.

Ekspedisi Everest juga permulaan bagi ekspedisi lain yang akan dirangka. Menurut beliau kementerian bercadang mengadakan ekspedisi mendaki tujuh puncak tertinggi bagi tujuh benua di dunia tidak lama lagi.

Beliau juga berkata kementerian dan para pendaki akan merangka suatu program "roadshow" ke seluruh negara bagi memberi peluang seluruh masyarakat bertemu dengan pendaki dan menimba pengajaran daripada semangat dan pengalaman mereka.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk ekspedisi itu belum diketahui kerana akaun ekspedisi belum disemak sepenuhnya.

Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan bagi ekspedisi itu dijangka tidak melebihi RM5 juta. -- BERNAMA

ARA NI FAZ